



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 26 FEBRUARI 2024**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                         | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|-----|------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| 1.  | JUALAN MADANI DIPERBANYAK, DIPERLUAS BANTU RAKYAT,DALAM NEGERI,UM-1&2        | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.  | PM BERI TEMPOH SEHINGGA 20 MAC MUKTAMAD ISU BERAS, NASIONAL,BH-2             |                                                       |
| 3.  | PMR CIPTA GELOMBANG LUAR BIASA, NASIONAL,SH-7                                |                                                       |
| 4.  | PKPS,KPKM TINGKAT JAMINAN MAKANAN, NASIONAL,SH-11                            |                                                       |
| 5.  | NACCOL DIBERI MASA HINGGA 20 MAC MUKTAMAD ISU PADI, NEGARA,KOSMO-4           |                                                       |
| 6.  | BERNAS BANTU KERAJAAN TAWAR BERAS MURAH,NEGARA,KOSMO-5                       |                                                       |
| 7.  | BERNAS BANTU KERAJAAN JAMIN BEKALAN BERAS CUKUP,DALAM NEGERI,UM-4            |                                                       |
| 8.  | HARGA BERAS RM35 BAGI 10KG SITUASI MENANG-MENANG,DALAM NEGERI,UM-4           |                                                       |
| 9.  | KAJI PELBAGAI FAKTOR SEBELUM PERKENAL BERAS MADANI,NASIONAL,BH-6             |                                                       |
| 10. | BERNAS TELITI PELBAGAI ASPEK BANTU TAWAR HARGA BPI LEBIH MURAH,NASIONAL,BH-6 |                                                       |
| 11. | FINDING RIGHT BALANCE FOR RICE PRICES,NATION,THE STAR-7                      |                                                       |
| 12. | BERNAS LOOKING TO LOWER RICE PRICES, NATION,THE STAR-7                       |                                                       |
| 13. | AGRO MADANI TAWAR BARANG KEPERLUAN HARGA RENDAH, NEGARA,KOSMO-16             | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)        |
| 14. | PESAWAH KECEWA, MINTA SEMAK SEMULA HARGA BERAS,NASIONAL,BH-6                 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)                |
| 15. | STOK MAKANAN SELANGOR MAMPU BERTAHAN 3 BULAN,NASIONAL,BH-13                  | LAIN-LAIN                                             |
| 16. | BEKALAN MAKANAN SELANGOR CUKUP 3 BULAN,NASIONAL,BH-13                        |                                                       |
| 17. | THREE-MONTH BUFFER FOR SELANGOR'S FOOD SUPPLY, NATION,THE STAR-7             |                                                       |
| 18. | APMM KELANTAN TAHAN 23 NELAYAN VIETNAM RAMPAS 2 BOT RM3 JUTA, LOKAL,HM-16    |                                                       |
| 19. | RESPONS PELANGGAN RESIPI KEJAYAAN KEROPOK LEKOR LEKIR, NIAGA,KOSMO-38        |                                                       |
| 20. | LAMBAKAN BERAS IMPORT, BERAS TEMPATAN PULA "KOSONG", DALAM NEGERI,UM-4       |                                                       |
| 21. | BERAS TEMPATAN: CARI JALAN KELUAR BUKAN MASA TUDING JARI,NEGARA,KOSMO-11     |                                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN    | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|------------|------------|
| 26/2/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1          |

# Jualan Madani diperbanyak, diperluas bantu rakyat

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
athir.ismail@mediamulia.com.my

**KUALA SELANGOR:** Jualan murah bagi mengimbangi kenaikan harga barang seperti Jualan Rahmah atau Jualan Termurah Madani akan diperbanyak dan diperluaskan pada masa akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau sudah mengarahkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali supaya memastikan jualan tersebut ditingkatkan melebihi daripada kapasiti biasa.

**Bersambung di muka 2**



| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 26/2/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 2          |

## Jualan Madani diperbanyak, diperluas bantu rakyat

Dari muka 1

Menurut beliau, selain program jualan, Agro Madani juga perlu ditingkatkan kerana jaringannya bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dengan nelayan dan peladang besar kerana itu perlu mengurangkan birokrasi untuk menurunkan harga barangan.

"Jadi, apa lagi masalah dibangkitkan oleh rakyat, kos sara hidup, barang makanan, ada langkah diambil dengan menambahkan pengeluaran secara bersungguh-sungguh oleh KPND dan MAFS.

"Orang merungut, jadi kita kena cari kaedah bagaimana, sebab itu ada Agro Madani, Jualan Rahmah, program Jualan Madani, itu semua asalkan boleh kurangkan harga kerana, kadang-kadang soal pasaran, banyak masalah.

"Jadi itu yang kita lakukan sedaya upaya dan saya minta kepada semua jentera kerajaan dan semua peniaga kecil yang bantu untuk menjayakan program untuk membantu masyarakat," kata Perdana Menteri ketika Majlis Penutupan Program Madani Rakyat 2024 Zon Tengah di sini semalam.

Sementara itu, ketika sesi dialog, Anwar yang juga Menteri Kewangan mencadangkan agar isu miskin bandar diselesaikan melalui pertanian di satu-satu kawasan dengan fokus kepada kelompok di satu-satu kawasan.

Kata beliau, isu tersebut perlu diberi perhatian oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Jabatan Pertanian dan seluruh agensi berkaitan pertanian untuk bertindak secara serius.

"Tumpu pengeluaran per-



**ANWAR Ibrahim ketika berucap pada majlis Penutup Program Madani Rakyat 2024 Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID**

tanian di bandar dengan fokus kelompok miskin bandar, apakah melalui sayur? Tanam padi tak bolehlah. Secara serius kena ada anjakan ini kerana tidak aneh, (ada) jauh lebih berjaya projek pertanian bersasar di kawasan kota dan pinggir kota.

"Jadi saya harap dalam tempoh sebulan, bermula hari ini ada program yang kita perkenalkan oleh kementerian berkaitan tentang satu anjakan daripada meneruskan yang sekarang ini kepada pengeluaran hasil pertanian," jelasnya.

Dalam pada itu, Anwar mengesahkan MAFS dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) perlu memuktamadkan isu harga padi pada 20 Mac ini.

Menurutnya, negara berisiko berdepan isu keselamatan melalui jaminan makanan sekiranya pesawah-pesawah bertindak mengubah pertanian mereka daripada tanaman padi

kepada tumbuhan lain semata-mata untuk meningkatkan pendapatan.

"Saya sendiri sudah bercakap dengan pengurusan Bemas dalam Mesyuarat NACCOL baru-baru ini supaya mencari jalan import beras dan juga pengeluaran tempatan dinaikkan.

"Pesawah padi antara kelompok paling miskin, rakyat mahu harga beras turun atau terkawal, pesawah padi mahu hasil mereka itu dinilai kerana itu dikatakan keselamatan makanan, maknanya kalau semua tak mahu tanam padi dan tukar lain untuk mendapat pendapatan lebih, negara hadapi risiko keselamatan.

"Jadi keselamatan makanan itu bergantung kepada pesawah-pesawah padi, jadi kerajaan harus mengimbangi dan saya memberi tempoh kepada kementerian dan NACCOL untuk memuktamadkan isu terutama harga padi pada 20 Mac," katanya.





Anwar melawat reruai Jualan Agro dan MADANI pada Program MADANI Rakyat Zon Tengah di Kuala Selangor, semalam. (Foto BERNAMA)

# PM beri tempoh sehingga 20 Mac muktamad isu beras

**Penetapan harga ambil masa bagi imbangi keperluan pengguna dan pesawah supaya tidak terbeban**

Oleh Rohaniza Idris dan Anjrum Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) diberikan tempoh sehingga 20 Mac depan untuk memuktamadkan isu berkaitan harga padi dan beras.

Beliau berkata, penetapan harga barangan asas itu memerlukan sedikit masa untuk dimuktamadkan bagi mengimbangi keperluan antara pengguna dan pesawah supaya kedua-dua kumpulan tidak merasa terbeban.

"Bila main soal dasar, nak tetapkan dasar, harga padi umpamanya, itu kita harus sabar sekejap... ikut proses sebelum kita muktamadkan, dan saya sudah bercakap sendiri dengan pihak BERNAS (Padiberas Nasional) dalam mesyuarat NACCOL baru-baru ini supaya mencari jalan (kurangan) import beras, manakala pengeluaran tempatan dinaikkan.

"Dia ada masalah... (kalau) naik (harga akan beri) beban kepada pengguna, tak naik (harga akan beri) beban kepada pesa-

wah... jadi bagaimana nak imbangi kedua-duanya, kerana pesawah adalah antara kelompok miskin di negara kita.

"Rakyat umumnya mahu harga beras turun atau terkawal, pesawah mahu hasil mereka itu dinilai," katanya pada majlis penutup Program MADANI Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, semalam.

Perdana Menteri juga berkata, bagi mengurangkan beban rakyat sementara menunggu harga barang seperti beras dimuktamadkan, beliau sudah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk meningkatkan Jualan Rahmah serta Jualan Agro MADANI.

"Bagi masalah dibangkitkan rakyat seperti kos sara hidup, barang makanan, harga beras, sayur, ikan dan daging, ada langkah-langkah diambil... sebab itu ada Jualan Agro MADANI, Jualan Rahmah.

"Jadi, itu yang kita lakukan sedaya upaya dan saya ucap terima kasih kepada semua jentera kerajaan, pegawai-pegawai dan pengusaha serta peniaga kecil yang menjayakan program membantu masyarakat," katanya.

Ketika sesi dialog pada program sama, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan memperkenalkan program pertanian bersasar di bandar sebagai anjakan kepada pengeluaran hasil pertanian negara.

Katanya, kejayaan program pertanian bandar seperti di negara jiran, Singapura wajar ditirakan serta dicontohi untuk dilaksanakan di kawasan kekurangan tanah di bandar dan pinggir bandar, dengan permulaan untuk diperkenalkan di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, KPKM serta Kementerian lain bersama agensi berkaitan diberi tempoh sebulan untuk mengemukakan perancangan sesuai bagi program itu.

"Di samping kita teruskan usaha sedia ada bidang pertanian, kita juga perlu tumpukan kepada pengeluaran pertanian di bandar dengan fokus kepada penglibatan golongan miskin bandar.

"Saya juga minta menteri (berkaitan) meneliti perkara ini termasuk menyediakan peruntukan tambahan khas dalam bidang ini bagi meningkatkan kegiatan pertanian di bandar," katanya.

## Sedia laporan bulanan

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri mengarahkan setiap jabatan, agensi kerajaan dan Kementerian menyediakan laporan bulanan bagi setiap projek dilaksanakan.

Dengan langkah itu, katanya, pemantauan dapat dilaksanakan, sekali gus meyakinkan semua pihak bahawa apa saja projek yang diumumkan kerajaan akan tetap dilaksanakan.

"Kalau tidak (dipantau dan disediakan laporan bulanan) apabila kita umum projek tetapi pelancarannya hanya dilaksanakan sebelum pilihan raya, jadi saya nampak tiada kesungguhan.

"Jadi saya harap, budaya ini (laporan bulanan) daripada penjawat awam ke jabatan, agensi dan Kementerian serta menteri dapat dilaksanakan supaya dapat kitaantau dengan baik," katanya.

Menyentuh Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA), Perdana Menteri menegaskan tidak ada sebab untuk kerajaan tidak mengkajinya tahun ini.



# PMR cipta gelombang luar biasa

Jumlah pengunjung sepanjang tiga hari melebihi sasaran

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN  
TAHIR  
KUALA SELANGOR

**P**rogram Madani Rakyat (PMR) Zon Tengah menyaksikan gelombang luar biasa dengan kehadiran ribuan pengunjung sejak jam 9 pagi pada hari ketiga pengaturannya di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kesesakan lalu lintas berlaku di sekitar jalan memasuki kompleks itu dengan ruang parkir yang disediakan turut penuh sejam selepas acara bermula.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Zurihanmi Zakaria berkata, jumlah kehadiran pengunjung ke PMR meningkat dan disifatkan di luar jangkaan.

"Kalau kita lihat pada hari pertama seramai 18,747 pengunjung hadir ke kompleks ini bagi memeriahkan pelbagai aktiviti disediakan.

"Semalam (Sabtu) kita merekodkan 46,531 pengunjung dan pada hari ketiga sehingga jam 5 petang tadi (Ahad), kita telah merekodkan kehadiran seramai 62,420 pengunjung," katanya di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada Ahad.

Menurut Zurihanmi, jumlah pengunjung selama tiga hari program berlangsung mencecah seramai 127,698 orang, melebihi sasaran 100,000 pengunjung yang ditetapkan.



Zurihanmi (dua dari kanan) melayani pengunjung di gerai jualan ayam di PMR Zon Tengah.



Jelas beliau, jumlah pengunjung meningkat pada Majlis Perasmian Penutup PMR yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pada petang ini (Ahad) juga peminat bola sepak membanjiri kompleks sukan untuk mengikuti perlawanan persahabatan bola sepak antara pilihan MB (Menteri Besar) Selangor dan MB Perak," katanya.

Jelas beliau, antara reruai yang mendapat sambutan di PMR Zon Tengah ialah Pavilion KPKM yang menerima kehadiran pengunjung sehingga 30,000 orang pada hari terakhir program tersebut.

Selain itu katanya, pengunjung juga tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke reruai-reruai lain yang disediakan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan terlibat.

"Kita juga melihat sambutan menggalakkan diterima di kaunter bayaran saman yang dikendalikan oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia).

"Orang ramai turut bersedak dan beratur panjang untuk mendapatkan topi keledar baharu di reruai yang dikendalikan oleh JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan).

"Bagi Zon Tengah ini, ada sebanyak 34 unit reruai kementerian, agensi dan kerajaan negeri, 40 gerai jualan makanan dan 30 pengusaha agro serta barang basah disediakan," katanya.

Mengulas mengenai aliran trafik di Jalan masuk ke kompleks tersebut, Zurihanmi berkata, kesesakan terkawal dan tidak menyukarkan penduduk.

Ujar beliau, kerjasama baik daripada pelbagai pihak terutama polis, penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) melancarkan aliran lalu lintas.

"Tambahan pula, kita sediakan trem dan van di kawasan parkir untuk transit bagi memudahkan pengunjung-pengunjung, sekali gus mengurangkan kesesakan," katanya.

Ditanya mengenai sambutan Jualan Agro dan Madani, Zurihanmi berkata, ia mencatatkan jualan melebihi RM500,000 sepanjang tiga hari pengaturannya.

Menurutnya, sudah pasti jualan beras putih 10 kilogram mendapat sambutan daripada pengunjung kerana ia dijual pada harga RM26 sekampit.

"Selain itu, beberapa barangan basah lain seperti ayam dan daging menjadi tumpuan pengunjung kerana ayam seberat 1 hingga 2 kilogram hanya dijual pada harga RM10, manakala daging segar RM30 sekilogram, selain produk buah-buahan tempatan yang kita tawarkan.

"Kita memperuntukkan sehingga 3,000 ekor ayam untuk dijual kepada pengunjung yang singgah di PMR Zon Tengah.

"Kita sentiasa menambah stok bagi membolehkan pengunjung yang datang tidak pulang dengan kecewa," kata Zurihanmi.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan perasmian berkata, jualan

## REAKSI

**“**PMR ternyata memberi manfaat kepada rakyat kerana ia pelbagai kepada rakyat terutama golongan memerlukan membeli barang keperluan pada harga jauh lebih murah berbanding di pasaran dan saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.”

- Ahli perniagaan, Tee Hock Koon, 50

**“**Saya amat bersyukur kerana jumlah pengunjung yang singgah ke gerai saya ramai dan di luar jangkaan, sekali gus meningkatkan hasil jualan.”

- Peniaga kerepek, Nur Hashimah Haziqah Mat, 26

**“**Saya berasa teruja dan bersyukur kerana hasil jualan meningkat tiga atau empat kali ganda daripada biasa dan kalau boleh saya mahu mengikuti PMR di zon seterusnya.”

- Peniaga takoyaki, Siti Noor Ashikin Md Disa, 38



Wakil agensi kerajaan tidak ketinggalan membeli buah potong dari gerai peniaga di PMR Zon Tengah.

murah untuk mengimbangi kenaikan harga barangan seperti Jualan Rahmah atau Jualan Termurah Madani akan ditingkatkan pada masa akan datang.

Menurut Anwar, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali telah diarahkan supaya memastikan jualan tersebut ditingkatkan melebihi daripada biasa.

Jelas beliau, selain program jualan, Agro Madani juga perlu ditingkatkan kerana jaringannya daripada KPKM dengan nelayan dan peladang begitu besar dan perlu dikurangkan permasalahan untuk menurunkan harga barangan.

"Jadi, apa lagi masalah dibangkitkan oleh rakyat, kos sara hidup, barang makanan, ada langkah diambil bersungguh-sungguh oleh KPDN serta KPKM supaya ada usaha yang lebih daripada itu," kata Anwar.



| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 26/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11         |

# PKPS, KPKM tingkat jaminan makanan

Dana RM23 juta, fokus lima bidang utama pertanian

Oleh IZWAN ROZLIN  
KUALA SELANGOR

**P**erbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menandatangani kerjasama baharu yang diyakini mampu meningkatkan aspek keselamatan makanan di samping membangunkan usahawan tani.

Kerjasama itu diterjemahkan menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak melibatkan peruntukan dana sebanyak RM23 juta.

MoU itu ditandatangani dan diserahkan di antara Ketua Pegawai Eksekutif PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohd Razi manakala KPKM diwakili Ketua Setiausahaanya, Datuk Lokman Hakim Ali dan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Program MADANI Rakyat 2024 Peringkat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, di sini pada Ahad.

Turut menyaksikan penyerahan MoU itu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Menurut Mohamad Khairil, MoU tersebut memfokuskan kepada lima bidang utama menerusi projek khusus meliputi tanaman jagung bijirin, penternakan lembu tenusu, tanaman kontan bernilai tinggi, Gedung Makanan Ehsan Selangor serta memanfaatkan tanah terbiar untuk penanaman komersial.

"Melalui kelima-lima bidang utama ini, ia mampu memberi nilai tambah kepada usaha meningkatkan keselamatan makanan rakyat negara ini khususnya di Selangor di samping melahirkan lebih ramai usahawan tani.

"Dalam tempoh satu tahun, PKPS akan memastikan projek ini berjalan dan diurus dengan baik bagi memastikan hasilnya



Mohamad Khairil (depan, kanan) dan Lokman Hakim (depan, kiri) masing-masing menunjukkan MoU kerjasama di antara PKPS dengan KPKM sambil disaksikan (belakang, dari kiri), Mohamad, Amirudin, Anwar dan Saarani.

dapat dinikmati seperti yang dirancang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama itu, projek khusus pertanian tersebut katanya akan dilaksanakan tidak hanya melibatkan milik perbadanan itu sahaja, tetapi turut merangkumi tanah-tanah milik kerajaan negeri serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

Jelas Mohamad Khairil, bagi tanah milik PKPS sahaja, ia dianggar melibatkan keluasan di antara 60 hingga 70 ekar (24.3 hingga 28.3 hektar).

"Sebagai contoh, untuk projek tanaman cili fertigasi, kita mensasarkan setiap petani mendapat satu ekar tanah untuk diusahakan.

"Namun ianya tidak tertumpu kepada projek tanaman cili semata-mata, tetapi turut meliputi tanaman lain seperti tembikai dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Dengan kepelbagaian tanaman ini, kita percaya ia akan memberi pulangan tinggi kepada petani yang terlibat," ujarnya.

## Lokasi

Projek khusus pertanian itu akan dilaksanakan di Selangor Fruit Valley di Kuala Selangor serta tanah-tanah terbiar di bawah kabel bertegangan tinggi di Sungai Blankan, Sepang bagi tanaman kontan.

Sementara itu, bagi projek ternakan lembu tenusu, ia akan dilaksanakan di Kompleks Ladang Tenusu Sungai Tengli Selatan, Sepang yang ketika ini dalam proses pembinaan.

"Kita juga sudah kenal pasti lokasi di Rawang dan Kuala Langat untuk dijadikan tanaman jagung bijirin," katanya yang turut memaklumkan PKPS dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan bekerjasama mewujudkan Gedung Makanan Ehsan Selangor.

## Manfaat besar rakyat, negara

Dalam pada itu, Mohamad Khairil menzahirkan penghargaan kepada KPKM, Menteri Besar Selangor, Kementerian Ekonomi serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bersama-sama memberikan komitmen penuh terhadap usaha PKPS.

Projek khusus pertanian yang dirancang PKPS melalui kerjasama itu katanya membantu meningkatkan keselamatan makanan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada sumber import.

"Sebagai contoh, tanaman jagung bijirin ini mampu menyumbang keselamatan makanan dengan 65 peratus



MOHAMAD KHAIRIL

“

Melalui kelima-lima bidang utama ini, ia mampu memberi nilai tambah kepada usaha meningkatkan keselamatan makanan rakyat negara ini khususnya di Selangor di samping melahirkan lebih ramai usahawan tani."

hasil tanaman itu adalah untuk makanan ayam dan ternakan.

"Secara logiknya, ia sekali gus boleh mengurangkan kos makanan dedak ayam kerana ia dihasilkan dalam negara. Seterusnya, ia memberi kesan kepada penurunan harga ayam di pasaran yang dibeli oleh rakyat.

"Begitu juga dengan ternakan lembu tenusu. Selepas ini, kita tidak akan bergantung lagi kepada bekalan susu import," ujarnya.

Pada masa sama, Mohamad Khairil turut mengajak mereka yang mempunyai potensi serta minat untuk menyertai program usahawan tani di bawah PKPS dengan melayari laman Facebook PKPS atau melayari laman sesawang, [www.pkps.gov.my](http://www.pkps.gov.my).

"Kita akan bantu beri khidmat nasihat kepada mereka yang mula ingin terlibat dalam pertanian sehinggalah kepada pengkomersialan," katanya.



Produk buah-buahan yang dijual pada harga berpatutan di gerai PKPS sempena Program MADANI Rakyat 2024 Peringkat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada Ahad.



Produk beras dan minyak masak jenama Ehsan PKPS dijual kepada orang ramai sempena Program MADANI Rakyat 2024 Peringkat Zon Tengah di Kuala Selangor.



**NACCOL diberi masa hingga 20 Mac muktamad isu padi**

**KUALA SELANGOR** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) diberikan tempoh sehingga 20 Mac ini bagi memuktamadkan isu berkaitan harga padi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakyat umumnya mahu harga beras turun atau terkawal bagi mengimbangi kos sara hidup mereka.

Menurutnya, pesawah padi pula mahu supaya hasil mereka dinilai kerana beras dikatakan adalah sekuriti makanan.

\*Naik (harga beras) beban kepada pengguna, tidak naik (harga padi) beban kepada petani. Bagaimana hendak imbangi kedua-duanya. Pesawah

merasmikan penutupan program Madani Rakyat Zon Tengah di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor, di sini semalam.

Anwar turut berharap masyarakat bersabar sehingga proses mengendainya dimuktamadkan kerajaan.

"Saya sendiri sudah bercakap dengan pengurusan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam mesyuarat NACCOL baru-baru ini supaya mencari jalan berhubung pengimportan beras dan juga pengeluaran tempatan dinaikkan (selain agar tiada masalah," tekannya.

Ketika sesi dialog pada majlis tersebut, beliau mencadangkan agar tumpuan diberikan kepada pengeluaran pertanian.



ANWAR (tengah) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amlirudin Shari ketika Program Madani Rakyat 2024 Zon Tengah di Kuala Selangor semalam.

[illegible]



SEORANG pekerja memasukkan pek beras ke dalam lori untuk diagihkan ke pasaran di Lembah Klang baru-baru ini.  
— GAMBAR HIASAN

Harga pasaran beras antarabangsa akan diteliti

## Bernas bantu kerajaan tawar beras murah

**PETALING JAYA** — Padiberas Nasional Berhad (Bernas) akan meneliti keadaan harga pasaran beras antarabangsa, kos operasi dan kadar pertukaran mata wang asing dalam membantu usaha kerajaan untuk menawarkan harga beras putih import (BPI) yang lebih rendah.

Bernas dalam satu kenyataan berkata, walaupun trend harga BPI masih berlegar di paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun lepas, Bernas telah membawa masuk dan mengedarkan BPI sebanyak 1.03 juta tan metrik pada tahun 2023.

Katanya, jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 46 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Pada masa sama, Bernas terus komited melaksanakan obligasi sosial dalam mengurus stok

penimbal negara dan sebagai Buyer of Last Resort atau pembeli padi yang terakhir.

"Bernas menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Inisiatif Beras Putih Malaysia Madani (BPMMD) diteliti dan diperhalusi melalui sesi penglibatan yang lebih terperinci oleh semua pihak berkepentingan sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya di sini semalam.

Tambah kenyataan itu, Bernas turut memuji usaha Kerajaan Madani yang mendengar dan mengambil kira semua pandangan daripada wakil kerajaan, pemain industri, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada sesi Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024 pada Jumaat lalu.

"Bernas mengulangi pendirian dalam memberikan kerjasama penuh kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi dan pihak berkuasa berkaitan dalam mencari mekanisme dan langkah intervensi terbaik bagi memastikan ketersediaan bekalan beras stabil dan mencukupi untuk rakyat Malaysia," katanya.

Anwar Jumaat lalu mahu penguatkuasaan dipertingkatkan bagi menjamin keberadaan beras dalam pasaran dan memastikan tiada pemborong atau pengilang mengaut keuntungan berlebihan.

Usaha meningkatkan penguatkuasaan juga akan memastikan tiada pemborong atau pengilang bertindak mencampurkan kandungan Beras Putih Tempatan dan Beras Putih Import untuk dijual lebih mahal.



26/2/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

4

# Bernas bantu kerajaan jamin bekalan beras cukup

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
arif.aiman@mediamajalah.com.my

**PETALING JAYA:** Padiberas Nasional Berhad (Bernas) akan meneliti harga pasaran beras antarabangsa membabitkan kos operasi sehingga kadar pertukaran mata wang asing sebagai usaha membantu kerajaan menawarkan harga beras putih import (BPI) lebih rendah.

Bernas dalam kenyataan berkata, pihaknya akan memberi kerjasama penuh kepada Kementerian Pertanian dan Keamanan Makanan (KPKM), agensi dan pihak berkuasa untuk mencari mekanisme dan langkah intervensi terbaik.

Katanya, ia sebagai langkah untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan ketersediaan bekalan beras yang stabil dan mencukupi untuk rakyat.

"Walaupun trend harga beras import masih berlegar di paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun lepas, Bernas telah membawa masuk dan mengedarkan sebanyak 1.03 juta tan pengekapan sebanyak 46 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Pada masa sama, Bernas terus komited melaksanakan obligasi sosialnya dalam mengurus stok penimbun negara dan sebagai 'buyer of last resort' atau



**BERNAS bersama-sama kerajaan mencari mekanisme dan langkah intervensi terbaik untuk memastikan bekalan beras kepada rakyat sentiasa mencukupi.**

pembeli padi yang terakhir," kata kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Bernas menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya inisiatif beras putih Malaysia Madani diteliti dan diperhalusi melalui sesi penglibatan lebih terperinci oleh semua pihak berkepentin-

gan sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Bernas turut memuji usaha kerajaan yang mendengar dan mengambil kira semua pandangan daripada wakil kerajaan, pemain industri, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada sesi Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup

Negara (NACCOL) Tahun 2024 pada Jumaat lalu," katanya.

Pengerusi NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal sebelum ini membuat pengumuman dengan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kampil-

10 kilogram (kg).



# Harga beras RM35 bagi 10kg situasi menang-menang

**PETALING JAYA:** Cadangan harga RM3.50 bagi sekilogram beras putih tempatan atau RM35 sekilogram munasabah dan memberi situasi menang-menang kepada pengilang dan pesawah untuk tempoh jangka panjang.

Exco Tugas-tugas Khas Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, harga RM35 bagi beras tempatan adalah rasional walaupun buat pengguna agak membebankan.

“Kadar yang sepatutnya adalah RM35 untuk 10kg (1kg RM3.50) dan ia ideal. Ia memberi situasi menang-menang kepada semua iaitu petani dan pengilang tetapi mungkin dari sudut pengguna agak membebankan.

“Mahu atau tidak, rakyat perlu faham bahawa kenaikan itu untuk mengimbangi harga padi dan benih padi yang dilihat ketika ini tidak seimbang dari

segi harganya,” katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, harga beras putih baharu perlu ditetapkan pada kadar munasabah supaya tidak membebankan pengguna dan memberi keadilan kepada pesawah.

Menurut beliau, kadar munasabah boleh ditetapkan berdasarkan harga pasaran antara beras import dan tempatan.

Mengulas lanjut Abdul Rashid berkata, sebenarnya harga dicadangkan itu tidak membebankan kerana bagi tempoh jangka panjang untuk mengelak kenaikan harga setiap tahun.

“Harga RM35 adalah harga yang relevan dan tidak membebankan kerana harga beras tempatan sudah tiba masanya dinaikkan. Kita letak untuk jangka jangka masa panjang. Adakah

kita ingin naikkan harga beras setiap tahun?”

“Harga bekalan RM2.60 sekarang ini susah untuk mendapatkan bekalan. Hanya ada tempatan tertentu, itu pun dalam kuantiti yang rendah,” katanya.

Selain itu, katanya, julat harga jualan beras tempatan dan beras import tidak boleh terlalu jauh kerana dibimbangi berlakunya penipuan atau manipulasi beras.

“Penipuan itu sudah berlaku, jadi adakah kita masih mahu menghalalkan penipuan ini? Kawalan harga ada pada beras tempatan tetapi tiada pada beras import.

“Kerajaan perlu pastikan penagutkuasaan polisi berjalan baik supaya tidak berlaku julat harga sangat jauh. Jadi untuk mengharmonikan keduanya, perlu menaikkan harga beras tempatan kepada RM35 dan RM42 bagi

beras import,” katanya.

Jelasnya, perkara itu penting kerana terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju dengan kenaikan harga meskipun harga makanan lain meningkatkan disebabkan peredaran masa dan kos yang tinggi.

Namun, katanya, sekiranya kerajaan tidak menaikkan harga beras maka kerajaan perlu mengeluarkan duit memberi subsidi.

Mengulas mengenai menarik orang muda menjadi petani, beliau berkata, ia tiada tarikan disebabkan dilihat sebagai pekerjaan tidak menguntungkan.

“Rata-rata ramai petani berusia disebabkan kerja hakiki tetapi ada juga orang muda cuma tarikan yang dinamik perlu dilakukan. Jika pekerjaan pesawah ini tidak menguntungkan, sudah pasti tiada tarikan untuk golongan muda,” katanya.



# Kaji pelbagai faktor sebelum perkenal Beras MADANI

**Kuala Lumpur:** Pelbagai faktor perlu dikaji agensi kerajaan sebelum memperkenalkan Beras Putih Malaysia MADANI berikutnya. Penetapan harga mungkin memberi bebanan kepada pihak tertentu.

Mengambil kira pelaksanaannya yang mempunyai banyak kelebihan dan kekurangan, maka kajian terperinci dan perincian dengan semua pihak perlu diadakan secara berterusan.

Pensyarah Jabatan Perniagaan Tani dan Ekonomi Biosumber di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Norsida Man, berkata pelaksanaan program itu bukan hanya mengambil kira isu rakyat, tetapi juga harus membawa manfaat kepada pesawah dan pengilang.

“Harga beras itu juga haruslah pada tahap mampu milik dan berkualitas untuk dibeli semua la-

ngatasi kos pengeluaran. Jika kerajaan meminta satu harga yang tidak berbaloi dengan kos mereka, pengilang sudah tentu tidak dapat menuruti permintaan berkenaan.

"Mekanisme pemasaran beras selepas tuai banyak diungguli pengilang. Untuk petani, mereka hanya mempunyai kawalan sebelum padi dituai, jadi harga tidak dapat dikawal petani kerana pengilang lebih mempunyai kawalan dari segi pemprosesan dan bekalan.

"Sebenarnya, dalam situasi ini, petani lebih terjejas kerana mereka bukan sahaja sebagai pelanggan tetapi juga pengguna yang membeli beras yang mereka keluarkan sendiri.

**Sukar Kawal Harga Beras**

kerana lebih 70 peratus kos pengeluaran padi banyak digunakan untuk membeli barang serta kos upah pekerja.

Norsida turut memberikan dukungan bagi penyelesaian isu beras putih tempatan (BPT) yang bekalkannya berkurangan di pasaran.

"Untuk jangka pendek, kerajaan boleh guna stok penimbunan beras lebih 290,000 tan metrik untuk menstabilkan harga beras.

"Kerajaan perlu memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) tangjawab sosial yang ditetapkan dipatuhi ketat jaitu memelihara, menyelenggara dan mengurus stok pembalakan negara dengan mematuhi semua garis panduan keselamatan dan prosedur operasi standard (SOP) oleh semua gudang stok pembalakan di seluruh negara," katanya.

Bagi jangka masa sederhana, Norsida berkata, pihak Kementerian dan agensi pertanian perlu menekankan penggunaan teknologi dan tambah baik amalan pertanian, termasuk menambah daya usaha dan motivasi petani serta pegawai pertanian melalui perubahan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pertanian padi negara.

Untuk menyelesaikan masalah pemasaran beras, katanya, pemerintah kawal selia pasaran beras perlu dilaksanakan supaya penjual mematuhi peraturan dan tiada salah guna dalam pasaran dan penjualan beras bagi tujuan memanipulasikan harga.

"Penyelesaian jangka masa panjang pula, kerajaan perlu tegas dengan tahap penukaran tanah pertanian padi kepada pembangunan. Ini akan mengecilkan kawasan pertanian padi," katanya.



| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 26/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6          |

## BERNAS teliti pelbagai aspek bantu tawar harga BPI lebih murah

**Kuala Lumpur:** Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) akan meneliti harga pasaran beras antarabangsa, kos operasi dan pertukaran wang asing, dalam usaha membantu kerajaan menawarkan harga beras putih import (BPI) yang lebih rendah.

BERNAS berkata, walaupun trend harga BPI berlegar di paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun lalu, pihaknya sudah membawa masuk serta mengedarkan BPI sebanyak 1.03 juta tan tahun lalu iaitu peningkatan 46 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Pada masa sama, BERNAS terus komited melaksanakan obligasi sosialnya dalam mengurus stok penimbal negara dan sebagai *Buyer of Last Resort* atau pembeli padi yang terakhir," katanya dalam kenyataan semalam.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) meminta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengetuai dan menyelaras sesi libat urus mengenai isu padi dan beras secara lebih terperinci dan secepat mungkin.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan semua pihak, termasuk beberapa wakil industri dan badan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili pesawah serta pengilang bagi memastikan ketersediaan beras pada harga yang munasabah kepada rakyat.



# Finding right balance for rice prices

## Well-being of both consumers and farmers needs to be safeguarded, says PM

By CHARLES RAMENDRAN  
charles.ramen@thestar.com.my

**KUALA SELANGOR:** Government policies on rice and padi prices must be balanced so that the interest of both consumers and padi farmers is protected, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

As such, he said the government required more time to set a fair price for this staple food.

"When it comes to drawing up policies for padi prices, we need some patience to follow the pro-

cess before deciding," he told reporters after the closing ceremony for the central zone Madani Rakyat programme here yesterday.

The Prime Minister said he had spoken to Padiberas Nasional Bhd (Bernas) and asked it to find ways to reduce rice imports and increase domestic production.

"A (price) hike will burden consumers, but not raising the price will burden farmers, so there is a need to strike a balance because padi farmers are among the poor

groups in our country.

"The people want the price to be lowered while the farmers want their efforts to be valued.

"If they choose not to plant padi and move on to cultivate something else that is more profitable, the country will risk facing issues with food security," he added.

Anwar said the National Action Council on Cost of Living and the Agriculture and Food Security Ministry had been given until March 20 to resolve issues related to the price of padi and rice.

To overcome the rising cost of living and increase the output of agricultural products, he said the government would introduce a targeted urban farming programme similar to those implemented in Singapore.

He said the programme was meant to assist the urban poor, adding that special allocations would be in place for this purpose.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, who was also at the event yesterday, said there must be long-

term plans to ensure the country had a sufficient supply of padi.

He said several locations in Selangor, Pahang and Sarawak had been identified for padi farming to boost supply.

"We only produce enough padi and rice for 63% of the population. What will we do if there is no country that is willing to export rice to Malaysia in 10 years?

"Hence, serious efforts need to be taken to increase the production of padi in the country," Mohamad said.



| TARIKH    | MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------|---------|------------|
| 26/2/2024 | THE STAR | NATION  | 7          |

## Bernas looking into ways to lower rice prices

By N. TRISHA  
trishang@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Padiberas Nasional Bhd (Bernas) says it will assess international rice market prices, operating costs and foreign currency exchange rates in an effort to help the government offer imported white rice (BPI) at a lower price.

Bernas said that the BPI price is at its highest in the past 15 years.

Last year, it brought in and distributed 1.03 million metric tonnes.

"This means there was an increase of 46% compared with the previous year. At the same time, Bernas continues to commit to fulfilling its social obligations in managing the national buffer stock and as the 'Buyer of Last Resort' or the end purchaser of rice," it said in a statement.

Bernas reiterated that it would fully cooperate with the Agriculture and Food Security Ministry, related agencies and authorities in finding the best mechanism and intervention measures to ensure the availability of a stable and sufficient rice supply for Malaysians.

Last Friday, the National Action Council on Cost of Living held a special meeting chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The council and the Agriculture and Food Security Ministry have been given until March 20 to resolve the issue of padi and rice prices.



| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 26/2/2024 | KOSMO | NEGARA  | 16         |

Program anjuran FAMA Perlis memanfaatkan usahawan dan rakyat

## Agro Madani tawar barang keperluan harga rendah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**KANGAR** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis menyasarkan untuk mengadakan sebanyak 233 Jualan Agro Madani pada tahun ini bagi membolehkan lebih ramai rakyat negeri ini mendapatkan barang keperluan pada harga rendah.

Pengarahnya, Mohd. Anzara Azizan berkata, jualan tersebut telah memasuki 39 kali penganjuran tahun ini termasuk penyer-taan FAMA dalam Karnival Usahawan dan Jualan Mega Madani Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) yang berlangsung selama tiga hari yang berakhir semalam.

“Sekarang kita berada dalam operasi yang ke-39 kali Jualan Agro Madani walaupun kita baru berada di hujung Februari dan sambutan yang diterima sangat menggalakkan.

“Sehingga kini kita telah dan sedang memberi manfaat kepada 18,000 rakyat Perlis dan 418 usahawan terlibat dengan menghasilkan jualan sebanyak RM400,000,” katanya kepada pemberita di Pasar Tani Kekal Simpang Empat, dekat sini semalam.

Kata Mohd. Anzara, antara barangan yang laris pada jualan itu adalah jualan kombo seekor



**MOHD. ANZARA (kiri)** menyantuni pengunjung Jualan Agro Madani sempena Karnival Usahawan dan Jualan Mega Madani Kuskop yang berlangsung selama tiga hari dan berakhir di Kangar semalam.

ayam dan sayur pada harga RM10, daging dan beras.

“Bagi jualan beras, FAMA negeri pada setiap minggu mendapat 3,000 kampak beras untuk ruang-ruang pasaran yang kita akan hantar. Pada hari ini (semalam) di Karnival Usahawan dan Jualan Mega Madani Kuskop

kita bawa 300 kampak.

“Saya lihat banyak juga jualan dan boleh tambah bekalan (beras) mengikut permintaan di sini,” ujarnya.

Sementara itu, kata Mohd. Anzara, pihaknya juga dalam rangka kerja sama dengan pihak Majlis Agama Islam dan Adat

Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) untuk memperbanyakkan lagi penganjuran jualan tersebut.

“Berdasarkan penganjuran Jualan Agro Madani ini pada minggu lepas di Dataran MAIPs, kita akan meneruskan jualan itu pada minggu depan dan minggu-minggu seterusnya,” jelasnya.



| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 26/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6          |

# Pesawah kecewa, minta semak semula harga beras

**Kenaikan kos pertanian beri kesan kepada pendapatan, jejas pengeluaran**

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Golongan pesawah Kedah menzahirkan rasa kecewa kerana kerajaan tidak membuat sebarang keputusan menaikkan harga beras putih tempatan yang menyebabkan pendapatan mereka kekal pada takuk lama.

Keputusan meningkatkan penguatkuasaan industri padi dengan mengkaji semula harga beras putih import untuk dijual pada harga lebih murah, tidak menyelesaikan dilema petani negara ini.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain, berkata pihaknya memahami keputusan kerajaan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin untuk menjaga kepentingan 32 juta rakyat Malaysia.

Bagaimanapun katanya, kepentingan lebih 240,000 pesawah juga tidak boleh diabaikan demi jaminan keselamatan makanan negara.

"Kenaikan harga beras putih

keluaran tempatan tidak disebut dalam mesyuarat itu tetapi sekarang ini saya lihat di pasar raya, kebanyakan beras putih dijual paling murah pun RM38 untuk 10 kilogram (kg). Hanya satu dua kedai jual pada harga RM37 bagi setiap 10 kg.

"Jika harga beras putih tempatan kekal pada RM2.60 sekilogram, saya percaya gangguan bekalan akan berterusan seperti berlaku sekarang," katanya.

## **Naikkan harga beras tempatan**

EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata perlu ada usaha mendidik orang ramai mengenai kepentingan menaikkan harga beras putih tempatan.

"Orang ramai mesti memahami keperluan kenaikan harga beras putih. Kos import beras putih melambung kepada RM4.00 sekilogram, manakala harga tempatan kita masih tidak berganjak sejak 2008.

"Tiada tindakan kerajaan terhadap isu penetapan harga beras putih tempatan amat mengecewakan pesawah tempatan," katanya.

Beliau mendakwa, ketidaktentuan isu harga beras akan terus menjejaskan bekalan beras tempatan dan dimanipulasi pembungkusan beras tempatan untuk mengaut keuntungan.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, turut menyarankan kerajaan agar menyemak semula harga beras putih tempatan pada kadar lebih munasabah seiring



peningkatan kos di peringkat petani.

Katanya, harga beras putih tempatan yang kekal pada RM26 setiap 10 kg sejak 2008 perlu dinaikkan kepada RM30 setiap 10 kg bagi memastikan ia mudah diperoleh di pasaran.

"Ketika ini beras pada harga RM26 bagi setiap 10 kg memang sukar diperoleh, yang ada sekarang RM38 ke atas, manakala beras import pula harganya lebih RM40 dan ada yang mencecah hingga RM50 dan RM60 untuk 10 kg.

"Bagi beras putih tempatan, berdasarkan pengiraan saya, walaupun dengan harga belian padi RM1,600 satu tan, ia boleh dijual pada harga RM30 setiap 10 kg. Itu kadar pasaran semasa yang akan memberi situasi menang-menang kepada tiga pihak iaitu peladang (pesawah), pengguna dan juga pengilang.

"Jadi, jika kita tetapkan harga beras putih tempatan RM30 setiap 10 kg dan beras putih import RM32 setiap 10 kg, nampak adil," katanya.

Harga beras putih tempatan yang kekal pada RM26 setiap 10 kg sejak 2008 perlu dinaikkan kepada RM30 setiap 10 kg bagi memastikan ia mudah diperoleh di pasaran.



Dr Ismail Salleh,  
Pengerusi MADA

Jika harga beras putih tempatan kekal pada RM2.60 sekilogram, saya percaya gangguan bekalan akan berterusan seperti berlaku sekarang.



Che Ani Mat Zain,  
Pengerusi  
Badan Bertindak  
Petani MADA



| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 26/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13         |

# Stok makanan Selangor mampu bertahan 3 bulan

**Tanjong Karang:** Stok bekalan makanan di Selangor dijangka mencukupi sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan sekiranya berlaku bencana termasuk kemarau.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata ini sedang makanan yang ketika ini sedang dibina di utara Selangor itu dijangka akan menjadi tempat simpanan makanan berunsurkan karbohidrat iaitu beras dan protein seperti ikan, daging atau ayam.

"Insya-Allah kalau projek ini lengkap, Selangor akan mempunyai keterjaminan makanan sehingga tiga bulan. Maknanya, kalau adanya peperangan sekitar (antarabangsa) dan beras tidak dapat diimport dan sebagainya, kita masih ada bekalan makanan."

"Jadi, Selangor akan menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang akan mempunyai daya tahan kerjaminan makanan selama tiga bulan tanpa gangguan."

katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Ekspo-Jualan Termurah MADANI di sini, semalam.

Beliau berkata, kadar keterjaminan bekalan bagi tempoh tiga bulan tersebut sangat relevan memandangkan Selangor mempunyai kira-kira tujuh juta rakyat.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata, kerajaan negeri bernastrasr menggabungkan

Jualan Ehsan Rakyat (JER) iaitu inisiatif meringankan beban dilaksanakan kerajaan negeri dengan Jualan Termurah MADANI.

Hal itu katanya, bagi membolehkan rakyat berbelanja dengan lebih murah seperti dilakukan menerusi Jualan Ehsan Rahmah hasil kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kita sasar paling tidak, satu

(kawasan) Parlimen satu kali dapat dibuat dalam tahun ini dengan melihat kepada kekuatan dan kemampuan kita.

"Saya akan mempertemukan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Perbadanan Kenajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam mencari pendektan lebih baik dan tidak menelan subsidi besar dalam masa sama memastikan barangan sampai kepada rakyat dengan harga murah," katanya. BERNAMA



| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 26/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13         |

## Bekalan makanan Selangor cukup 3 bulan

**KUALA SELANGOR** – Bekalan makanan di Selangor akan mencukupi sekurang-kurangnya untuk tiga bulan ketika menghadapi sebarang kemungkinan termasuk musim kemarau.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ini melibatkan dari segi makanan berunsurkan karbohidrat iaitu beras dan protein sama ada ikan, daging atau ayam.

Katanya, kerajaan negeri ketika ini sedang membina sebuah gudang di utara Selangor bagi memastikan kejayaannya.

"Insya-Allah, kalau projek ini lengkap dan Selangor akan mempunyai keterjaminan makanan antara tiga bulan. Maknanya, kalau hadapi peperangan sekitar (antarabangsa) dan beras tidak dapat diimport dan sebagainya, kita masih ada bekalan makanan.

"Jadi, Selangor akan menjadi

satu-satunya negeri di Malaysia yang akan mempunyai daya tahan kerjaminan makanan selama tiga bulan tanpa gangguan gugat daripada mana-mana pihak," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan ekspo Jualan Termurah Madani di Tanjong Karang semalam.

Beliau menambah, keterjaminan tempoh tiga bulan tersebut sangat relevan memandangkan Selangor mempunyai kira-kira tujuh juta rakyat.

"Kalau kita punyai tujuh juta rakyat dan hendak simpan beras satu hari untuk setiap rakyat, maknanya katakan 100 gram banyak jumlahnya.

"Justeru, kita sediakan untuk tiga bulan dulu dan tidak bermakna tidak bergerak simpanan itu (bagi jualan mana-mana program kepada rakyat). Bila kita habiskan sekilogram, kita akan gantikan dengan jumlah sama," ujarinya.



AMIRUDIN (dua kanan) meninjau gerai Jualan Termurah Madani sambil ditemani Ahli Parlimen Tanjong Karang, Datuk Dr. Zulkafperi Hanapi di Kuala Selangor semalam. – AMIR KHALID



# Three-month buffer for Selangor's food supply

**TANJONG KARANG:** The food supply stock in Selangor should be sufficient for at least three months in the event of a disaster including the dry season, says Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

He said the store for food stocks, being built in the north of Selangor, is expected to be used to store carbohydrate and protein-based food

such as rice and chicken.

"Upon completion of this project, Selangor will have food security for up to three months. This means that if there is war and rice cannot be imported and so on, we will still have food supplies.

"Selangor will be the only state in Malaysia that will have food security for three months without

interference from any party," he said when met after opening the Madani Cheapest Sale Expo here yesterday.

He said the three-month buffer is relevant for Selangor considering the state's population of about seven million people, Bernama reported.

In a related development,

Amirudin said that the state government is working towards integrating Jualan Ehsan Rakyat (JER), a state government initiative designed to alleviate financial burdens, with the Madani Cheapest Sales programme.

Such an integration would offer additional advantages to the public, enabling them to shop more

affordably, similar to the JER initiative carried out through collaboration with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"I will engage in discussions with the National Action Council on Cost of Living (Naccol) and Selangor Agricultural Development Corporation to explore a more effective approach," he added.

## APMM Kelantan tahan 23 nelayan Vietnam, rampas 2 bot RM3 juta

**Pasir Puteh:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan 23 nelayan warga Vietnam selain merampas dua bot dengan nilai keseluruhan RM3 juta dalam satu operasi Khamis lalu.

Pengarahnya Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata kedua-dua bot itu dirampas pada kedudukan 126 hingga 128 batu nautika dari muara Tok Bali selepas dikesan dalam keadaan mencurigakan pada 7.22 pagi ketika rondaan dilakukan di sempadan perairan Malaysia-Vietnam.

"Kedua-dua bot pada awalnya tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan perairan negara apabila diberi arahan untuk menghentikan bot.

"Sehubungan itu kapal APMM bertindak memintas bot berkenaan dan melakukan 'menaiki secara paksa' untuk menghentikan pergerakan mereka dan akhirnya berjaya menahan bot pertama pada 8.39 pagi diikuti bot kedua pada 9.27 pagi," katanya dalam sidang media di Pejabat APMM Kelantan di Tok Bali, di sini, semalam.

Katanya hasil pemeriksaan ke atas bot pertama dan kedua mendapati masing-masing mempunyai



ERWAN SHAH

17 dan enam kru termasuk tekong berusia antara 19 hingga 63 tahun.

Erwan Shah berkata pihaknya turut merampas kira-kira 1,000 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan 2,000 liter diesel dalam dua bot terbit.

Beliau berkata proses membawa balik kedua-dua bot itu mengambil masa lebih 24 jam sebelum tiba di jeti Maritim Negeri Kelantan pada 11 pagi Jumaat.

Beliau berkata kedua-dua bot berkenaan disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara dan kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) (a) kerana gagal memamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan.



| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 26/2/2024 | KOSMO | NIAGA   | 38         |



PRODUK Keropok Lekor Lekir mendapat permintaan baik termasuk dari negeri Selangor.



SYARIKAT turut memilik premis runcit sendiri di Pasar Komuniti dan Karavan Seri Manjung.



PLATFORM PKS

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
+ MOHD. NOR

**MANJUNG** Kesungguhan mendengar maklum balas pelanggan bagi menghasilkan produk terbaik menjadi antara resipi kejayaan pemilik Industri Keropok Lekor Lekir, Yah Mahmud, 59, dalam mengharungi cabaran dunia perniagaan.

Menurut ibu kepada empat orang anak itu, kepuasan pelanggan terhadap produk dihasilkan sentiasa menjadi keutamaan syarikat kerana golongan itulah yang menjadi 'talian hayat' sesebuah bisnes.

Kata usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu, aduan seperti keropok lekorr llat dan rasa yang kurang enak menjadi fokus utama untuk ditangani.

"Sejak mula berniaga, saya berpegang teguh kepada aspek kepuasan pelanggan. Jika terdapat sebarang aduan mengenai keropok lekorr dihasilkan, kami cuba mengatasi isu berkenaan segera.

"Tidak kisahlah sekiranya terpaksa melakukan kajian dan pembangunan (R&D) berulang kali sekali pun, yang penting hasilnya mestilah menepati selera pengguna. Alhamdulillah, perniagaan ini mampu lagi bertahan sehingga ke hari ini," katanya kepada Kosmo! di sini, baru-baru ini.

## Respons pelanggan resipi kejayaan Keropok Lekor Lekir



ATAS: Industri Keropok Lekor Lekir telah beroperasi di Kampung Pasir Pandak Lekir, Sitiawan sejak lebih 20 tahun lalu.

KIRI: Yah menunjukkan dua varian produk keropok lekorr yang dikeluarkan syarikat.

Ujar anak jati Lekir ini, dia mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti Kursus Pembuatan Keropok Udang anjuran Jabatan Perikanan di Pusat Pengembangan Perikanan Malaysia di Kg. Acheh, Sitiawan pada 1996.

Sejak dari itu, dia mula mempelajari selok-belok industri perniagaan makanan dan minuman sebelum menubuhkan syarikatnya yang beroperasi di Kampung Pasir Pandak Lekir, Sitiawan pada 2002.

Katanya, bermula detik itu, dia tidak lagi menoleh ke belakang dan terus fokus menghasilkan keropok lekorr bagi pasaran tempatan.

"Pada mulanya, saya menghasilkan keropok lekorr dan menjualnya di tepi jalan berhampiran dengan rumah di Lekir, selain turut melakukan jualan pintu ke pintu di sekitar Seri Manjung.

"Selain itu, saya juga meletakkan keropok lekorr di gerai-gerai di pasar awam," jelasnya.

Bagaimanapun katanya, kebanyakan produknya yang diletakkan di gerai tidak habis dijual,

dan disebabkan ia tidak disejuk beku, keropok itu mula rosak selepas tiga hari dipasarkan.

Belajar daripada pengalaman berkenaan, Yah melakukan penambahbaikan dengan mula menjual keropok lekorr sejuk beku, selain turut mengambil maklum komen pelanggan mengenai rasa dan kualiti produk.

"Dari situ kami melakukan pelbagai inovasi bagi memastikan keropok lekorr kami menepati kehendak pengguna. Kami menggunakan ikan sardin dan memastikan isi ikan adalah melebihi bahan lain seperti tepung bagi tiap-tiap batang keropok lekorr dihasilkan," katanya.

Yah memberitahu, antara cabaran yang turut dihadapi adalah keengganan peniaga untuk melunaskan bayaran biarpun telah menjual keropok lekorr yang diletakkan.

Kini, wanita ini dibantu oleh anak ketiganya, Mohamad Aidil Shahimi, 31, selain empat lagi pekerja yang terdiri daripada penduduk tempatan di pusat pemprosesan keropok.

Ketika ini pihaknya menghasilkan kira-kira 200 kilogram keropok sehari yang dipasarkan di sekitar daerah ini dan kedai sendiri di Pasar Komuniti dan Karavan Seri Manjung.

"Keropok Lekorr Lekir juga mendapat permintaan dari luar daerah seperti di Batu Kurau, Bukit Gantang dan Tanjung Malim yang mana ia dijual oleh stokis-stokis kami.

"Produk ini juga dijual di Selangor. Ada pelanggan dari Sepang yang menggemari keropok lekorr ini dan ia dihantar menerusi perkhidmatan bas," katanya.



| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 26/2/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 4          |

## Lambakan beras import, beras tempatan pula 'kosong'

**KOTA BHARU:** Pengguna di sini mendakwa bekalan beras tempatan sukar diperoleh berbanding import sehingga berlaku 'lambakan' di pasaran ketika ini.

Tinjauan mendapati kebanyakan rak jualan di beberapa buah pasar raya dipenuhi beras import.

Seorang pengguna Fatimah Yaakob, 60, berkata, situasi itu menyebabkan dia terpaksa menambah perbelanjaan untuk mendapatkan beras.

Menurutnya, bagi golongan berpendapatan rendah sepertinya, dia dan keluarga bergantung sepenuhnya kepada beras tempatan disebabkan harga yang murah berbanding import.

"Walaupun harga agak tinggi, namun saya tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membelinya."

"Disebabkan masalah ini, saya terpaksa berjimat cermat bagi memastikan perbelanjaan untuk barangan dapur lain tidak terjejas," katanya.

Seorang lagi pengguna, Tajuddin Yusoff, 38, berkata, jika beras tempatan sebanding import dia yakin bahan mentah itu akan menjadi pilihan utama.

"Kita juga faham rakyat di negeri ini mempunyai tahap ekonomi berbeza."

"Namun jika kualiti beras tempatan sama seperti beras import tentulah kita akan lebih memilih untuk beli beras tempatan," ujarnya.

Sementara itu, Azrin Mustafa, 40, berkata, dia memilih untuk menggunakan beras Siam kerana ia lebih sedap.

Katanya, beras Siam lebih sedap disebabkan kualiti beras berkenaan yang bermutu tinggi cuma kekangan harganya lebih mahal.

"Berkenaan beras putih Madani pula, saya rasa ia cadangan yang bagus tetapi kalau boleh biarlah dijual pada kadar harga lebih murah dan berkualiti."

"Kena buat betul-betul agar sesuai dengan hasrat Kerajaan Madani yang mahu menjaga kebajikan rakyat," katanya.



| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 26/2/2024 | KOSMO | NEGARA  | 11         |



KEKURANGAN beras tempatan di pasaran akan memberikan kesan dan menghimpit golongan yang berpendapatan rendah di negara ini. – GAMBAR HIASAN

## Beras tempatan: Cari jalan keluar, bukan masa untuk tuding jari

**SAUDARA PENGARANG,**

**SAYA** bersetuju dengan kenyataan Pengerusi Majlis Sara Hidup Negara (NACCOL) tentang kesukaran pengguna untuk mendapatkan beras tempatan angkara kartel dalam industri tersebut.

Dapat dilihat bahawa kenaikan dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam, telur dan gula mempunyai persamaan dengan beras yang berkemungkinan berpunca akibat permainan pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

Mereka boleh dikatakan berkemampuan dan menguasai industri makanan ini. Sekarang mereka berkuasa dalam menentukan bekalan, harga dan berkemungkinan menyorok barangan keperluan rakyat ini.

Amat menghairankan beras tempatan iaitu 60 peratus daripada beras negara, mengalami kekurangan di kedai dan pasar raya.

Jika kerajaan sudah

mempunyai bukti kekurangan ini adalah angkara kartel, mengapa tidak dibuat siasatan dan mendakwa pihak yang terlibat ke muka pengadilan?

Saya perhatikan kedai menjual beras tempatan sedikit berbanding beras import. Apabila stok beras tempatan habis, pembeli terpaksa membeli beras import yang mahal dan sudah tentu membebankan pengguna.

Selain itu, ada pekedai menjual semua bekalan beras import. Apabila ditanya mereka jawab stok beras tempatan belum sampai atau tiada stok.

Pihak pekedai juga mungkin bersubahat dengan pemborong dan pembekal untuk melakukan permainan harga sama ada menyorok beras atau mahukan keuntungan berganda.

Yang penting dalam menangani isu kekurangan stok dan kenaikan harga beras ini, pihak yang terlibat secara langsung dengan industri makanan negara perlu kembali kepada pengusaha kilang

beras dan pemborong beras yang sudah tentu mempunyai maklumat penjualan beras tempatan ini.

Kita tidak mahu pihak tertentu mengaut keuntungan dan rakyat terus terhimpit akibat manipulasi harga pihak tertentu.

Tidak ada gunanya pelbagai tindakan diambil untuk selesaikan isu beras jika beras tempatan untuk golongan kurang berkemampuan tidak dapat ditangani.

Sampai bila isu 'bangau oh bangau' dan saling menuding jari mencari kesalahan orang lain ini dapat diselesaikan dan ditamatkan secepat mungkin kerana bulan puasa makin hampir.

Akhir sekali, kita tidak mahu kerajaan diterlawakan oleh kartel kerana kegagalan kerajaan menangani kelicikan mereka memanipulasikan bekalan beras negara.

**BERAS HANCUR**  
Temerloh, Pahang